

Isu Talam: Adun PKR Ditegur Dahului Kerajaan Negeri
MStar Online
Julai 10, 2012
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

SHAH ALAM: Gara-gara mahu menjadi hero berkaitan isu jual beli tanah Talam Corporation, Shuhaimi Shafiei (PKR-Sri Muda)ditegur Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, Haniza Talha apabilabeliau dilihat seolah-olah mahu mendahului kerajaan negeri.

Ketika mencelah perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 oleh Yap Ee Wah (BN-Sungai Pelek), Shuhaimi dilihat cuba menghalang wakil rakyat itu daripada membangkitkan isu berkaitan penyusunanhutang Talam dan kerajaan negeri.

"Tuduhan itu adalah palsu, ia tidak benar. Perkara ini dimanipulasikan oleh MCA.

"Tuduhan ini tidak perlu kita jawab. Persoalannya ialah mengapa zaman (Datuk Dr) Khir Toyo tak dibangkitkan?" katanya.

Bagaimanapun Yap menegaskan isu itu perlu dijelaskan oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Haniza kemudiannya mencelah: "Biar kerajaan buat penjelasan...Sungai Pelek boleh teruskan perbahasan."

Ketika menyambung perbahasannya, Yap sekali lagi menempelak Shuhaimi kerana mahu menutup isu Talam.

"Jika (dakwaan ini) tak benar, menteri besar akan jawab nanti. Bukan tanggungjawab Sri Muda untuk menjawab. Saya rasa dia pun tak tahu (isu).

"Saya hanya jalankan tanggungjawab sebagai Adun untuk kemukakan persoalan kepada menteri besar serta mahu memberi peluang kepadanya untuk jelaskan," katanya.

Minggu lalu Ketua Biro Profesional Muda MCA, Datuk Chua Tee Yong membuat kenyataan mendakwa penstrukturan hutang Talam Corporation dan kerajaan Selangor membabitkan transaksi berjumlah RM1 bilion,sekalipun jumlah hutang hanya RM392 juta.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/7/10/mstar_berita/20120710194506&sec=mstar_berita